

HENTIKAN PENYEBARAN BERITA PALSU COVID-19

Oleh: Anis Shalida binti Abdul Khalid Jum, 1171279,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 28 July 2020



Jangan sebarkan berita palsu

Ketika petugas kesihatan dan anggota-anggota barisan hadapan yang lain bertungkus-lumus menangani penularan pandemik COVID-19, wujud pula 'wabak' lain yang berbahaya iaitu berita palsu.

Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata, kita bukan sekadar memerangi wabak COVID-19, malah turut memerangi *infodemik* berkaitan virus ini. kedua-duanya perlu ditangani secara serentak.

Berita palsu berkaitan COVID-19 berleluasa dalam media sosial seperti WhatsApp, Instagram, Facebook dan Twitter.

Media sosial yang sepatutnya digunakan untuk merapatkan hubungan dalam kalangan para penggunanya telah disalahgunakan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab bagi menyebarkan berita palsu bagi menarik perhatian netizen.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuka sebanyak 266 kertas siasatan berita palsu setakat 11 Jun lalu dan jumlah itu semakin meningkat setiap hari.

Akibat perbuatan tidak bertanggungjawab itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah menubuhkan Pasukan Respon Pantas bagi menangani berita palsu yang tular setiap hari.

Pasukan ini sentiasa memantau perkongsian berita dalam kalangan pengguna media sosial bagi menangkis berita palsu.

Mereka mengambil masa antara 30 minit hingga tiga jam bagi mengesahkan sebarang berita yang tular, sekali gus berupaya menghentikan penularan berita palsu.

Di samping itu, berita palsu tentang COVID-19 yang sampai ke pengetahuan masyarakat akan menyebabkan gangguan jiwa dan fikiran seseorang individu.

Hal ini kerana, segelintir anggota masyarakat apabila menerima sesuatu berita yang tular tidak dapat berfikir dengan baik dan menapis sama ada berita itu benar atau palsu.

Seterusnya tanpa berfikir panjang, mereka teruja untuk berkongsi juga berita tersebut kepada kenalan yang lain.

Kerajaan juga telah menyediakan satu platform untuk rakyat Malaysia menyemak kesahihan berita yang tular dalam media sosial iaitu laman sesawang sebenarnya.my.

Portal ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan penyebaran berita palsu melalui platform media sosial, blog, laman sesawang dan lain-lain terhenti.

Islam turut menyeru umatnya agar sentiasa bersikap *tabayyun* yang membawa maksud menyemak asas kebenaran sesuatu perkara.

Perkara ini disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.” (Al-Hujurat: 6)

Berita atau informasi yang diterima perlu diteliti dan disemak kesahihannya agar tidak berlaku fitnah dan memberi kesan buruk kepada individu lain.

Maka sebagai rakyat dan manusia yang bertanggungjawab, kita perlu sentiasa memastikan kesahihan berita tersebut dan membantu kerajaan untuk sama-sama memerangi wabak ini dengan baik.

Hargailah jasa dan pengorbanan pemimpin serta wira-wira negara dalam membendung wabak COVID-19 dengan tidak menyebarkan wabak berita palsu ini kepada orang lain.

